

13/11/1997

Bersama perkukuh ekonomi negara

KETIKA negara menghadapi masalah kesusutan nilai ringgit dan kejatuhan di pasaran saham, ramai yang berharap masalah itu akan pulih dalam jangka waktu yang pendek. Bagaimana pun mereka tidak dapat memberi asas yang kukuh mengenai cara masalah itu diselesaikan. Ramai juga yang percaya keadaan akan kembali seperti biasa apabila disokong oleh faktor luaran. Mereka berpendapat apabila pengurus dana masuk semula ke pasaran di negara ini, keadaan buruk yang berlaku sekarang akan berubah. Ada juga mengatakan apabila pasaran di beberapa pasaran terkemuka dunia pulih, indeks di pasaran saham di negara kita juga akan kembali cergas. Ini adalah stigma yang tidak boleh lagi diterima kerana ia hanya menampakkan kita terlalu bergantung kepada keadaan di luar kawalan kita. Ia juga seolah-olah menunjukkan kita tidak mempunyai kekuatan tersendiri. Sampai bila kita harus dipengaruhi oleh keadaan seperti ini?

Sesetengah rakyat berpendapat bahawa usaha memulihkan keadaan yang tidak menentukan ini, adalah tugas kerajaan. Ini adalah pandangan yang salah. Kerajaan tidak akan berjaya memulihkan nilai ringgit dan keadaan di pasaran saham, malah mengembalikan kekukuhan ekonomi negara, tanpa bantuan rakyat. Kekuatan kita sebenarnya terletak pada sumber daripada rakyat. Jika rakyat lemah, negara juga akan lemah. Namun, di Malaysia, kita yakin ramai rakyat mahu menyumbangkan idea dan tenaga mereka. Cuma, sekalipun ramai rakyat daripada mereka ingin menyumbang bakti membantu kerajaan, mereka mungkin tidak tahu apakah yang sebenarnya harus dilakukan. Oleh itu, kempen penerangan mengenainya dirasakan amat perlu.

Kita percaya idea Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengadakan satu gerakan rakyat dalam usaha menggembelng tenaga segenap lapisan masyarakat, adalah salah satu cara yang berkesan untuk meningkatkan ekonomi negara. Tanpa kempen seperti ini rakyat akan hanya menunggu perubahan datang menggolek, sedangkan proses membangunkan ekonomi memang boleh dipercepatkan. Kita yakin kempen yang dicadangkan ini adalah untuk memberi kefahaman kepada rakyat mengenai tanggungjawab mereka kepada diri, keluarga dan kerajaan. Mereka mungkin sudah faham terhadap tanggungjawab masing-masing tetapi disebabkan ia menjadi tugas rutin, mereka tidak lagi mengambil berat soal produktiviti, meningkatkan prestasi dan membantu jabatan untuk menjadi yang terbaik. Pada kita dalam melaksanakan tanggungjawab ini, seorang pun tidak boleh dikecualikan. Sebagai contoh, seorang petani sebenarnya mempunyai peranan yang amat penting untuk membantu meningkatkan ekonomi negara. Jika seorang petani mampu meningkatkan pengeluaran 10 peratus saja daripada pengeluaran biasa, jika 100 petani berbuat demikian, kita boleh bayangkan berapa besar peningkatan yang akan diperolehi. Jika seluruh masyarakat petani menggembelng tenaga menambah produktiviti masing-masing, kita mungkin tidak perlu lagi mengimport makanan dari negara luar. Seorang buruh kasar pula tidak boleh menganggap kehidupan makan gaji bergaji kecil tidak mampu memberi kesenangan hidup kepada keluarga, apatah lagi untuk membantu negara. Soalnya, jika mereka bertugas dengan disiplin, melakukan amanah dengan baik dan berkesan, pastinya prestasi mereka akan dinilai dengan adil. Soalan yang mungkin timbul apakah tanggungjawab mereka kepada kerajaan? Jika ramai buruh kasar yang bekerja keras dan sanggup melakukan apa saja kerja, kita tidak memerlukan lagi pekerja asing. Cara ini dapat menyekat pengaliran keluar wang. Kita tidak perlu lagi membayar gaji kepada mereka. Jika ramai rakyat yang sanggup mengambil alih tugas pekerja

asing, kita dapat membayar gaji kepada rakyat dan rakyat menggunakan wang mereka di dalam negara sendiri.

Begitu juga, walaupun tugas seseorang itu sekadar menyapu sampah di bandar-bandar besar, mereka sebenarnya mempunyai sumbangan yang amat berguna kepada kerajaan. Dengan tugas yang baik mereka akan memastikan keadaan bandar bersih. Ia akan menjadi faktor menarik kehadiran pelancong ke negara ini. Kemasukan pelancong memberi pendapatan yang besar kepada negara. Pelancong juga pasti akan menggunakan wang untuk berbelanja di negara ini. Oleh itu, banyak pihak akan mendapat untung. Oleh itu, walau sekecil mana sekali pun jawatan seseorang itu, mereka tidak seharusnya berasa rendah diri. Walaupun pendapatan mereka tidak boleh disamakan dengan pegawai, namun sumbangan kepada negara adalah sama. Sebaliknya, jika seorang pegawai hanya mementingkan diri, mereka sebenarnya tidak memberi sebarang kebaikan kepada negara.

(END)